

Advocacy Disabled in Publishing Newspapers Media in Malaysia (Advokasi Orang Kurang Upaya dalam Penerbitan Media Akhbar di Malaysia)

Hazzlan Sama^a, Manisah Mohd Ali^b

^aSEAMEO Regional Center for Special Education (SEAMEO SEN), Melaka, Malaysia

^bUniversiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

E-mail : hazzlan@seameosen.org

Abstract : This article discusses the role of news media in communicating information about Disabled news to the public. The focus of the discussion centered issue and advocacy role of the news media conducted to understand the issues of persons with disabilities. Studies conducted using the method of analysis to systematically review the library of selected journals that conduct media exposure of persons with disabilities at the global level and so focused towards media conference in Malaysia. In this research, the data was obtained through databases ERIC, google scholar, Journal of Education, Journal of Social Sciences and Journal of Communication. A total of 30 articles were based on keywords such as disabled people, newspapers, news exposure to people with disabilities. However, researchers have obtained 13 articles that met after being filtered. The results obtained showed that the press releases are also still not open and not to report the news on disabilities. This is because there is a stigma that prevents acceptance of disabilities such as discrimination and negative attitudes towards them. Outlook negative stereotypes of people with disabilities who are strangers, the great ones, defects often appear in the media. Even now there is increasing advocacy for press media publishing news on this special group but the content or dissemination of information about them is still less show.

Keyword: Persons With Disability (PWD), Media, Advocacy

Abstrak : Artikel ini membincangkan peranan media akhbar dalam menyampaikan maklumat berita tentang Orang Kurang Upaya kepada masyarakat. Fokus perbincangan ditumpukan isu dan peranan advokasi media akhbar dijalankan untuk memahami isu orang kurang upaya. Kajian yang dijalankan menggunakan kaedah analisis perpustakaan secara *sistematis review* terhadap jurnal-jurnal terpilih yang menjalankan kajian paparan media ke atas orang kurang upaya di peringkat global dan seterusnya difokus ke arah media akhbar di Malaysia. Dalam penyelidikan ini, data-data diperolehi melalui pengkalan data ERIC, google scholar, Jurnal Pendidikan, Jurnal Sains Sosial dan Jurnal Komunikasi. Sebanyak 30 artikel diperolehi berdasarkan kata kunci seperti orang kurang upaya, surat khabar, paparan berita terhadap OKU. Namun begitu, penyelidik telah memperoleh 13 artikel yang menepati setelah disaring. Hasil didapati menunjukkan akhbar akhbar juga masih tidak terbuka dan kurang untuk melaporkan berita tentang OKU. Ini kerana masih terdapat stigma yang menghalang penerimaan OKU seperti diskriminasi dan sikap negatif terhadap mereka. Pandangan stereotaip golongan OKU yang negatif seperti orang asing, golongan yang susah, cacat sering dipaparkan dalam media. Walaupun, kini media akhbar ada peningkatan advokasi penerbitan berita terhadap golongan istimewa ini namun kandungan atau penyebaran maklumat tentang golongan ini masih lagi kurang dipaparkan.

Kata kunci: Orang Kurang Upaya(OKU), Media, Advokasi

Media merupakan satu alat komunikasi yang amat penting dalam kehidupan masyarakat. Ini kerana ia memiliki satu pengaruh yang mampu memberikan panduan kepada manusia, dan mempengaruhi nilai-nilai kehidupan masyarakat. Menurut Kamus Dewan (2010), media sebagai alat yang menyampaikan maklumat berita kepada masyarakat dengan begitu cepat. Ini turut diakui Nielsen (2001) menjelaskan media merupakan penyampai atau pembawa maklumat antara punca dengan penerima seperti filem, video, radio, gambar foto, risalah poster dan sebagainya. Malah Nielsen (2001) mengatakan media terbahagi

kepada dua jenis iaitu media elektronik dan media cetak.

Media seperti surat khabar, majalah, buku dan media sosial baharu seperti blog, facebook, juga memainkan peranan penting dalam menyampaikan maklumat kepada khalayak masyarakat. Perkembangan dunia teknologi informasi semakin pantas hingga masyarakat turut mendapat kesan maklumat yang diperolehi. Peranan media cetak dan elektronik menjadi penghubung dalam menyampaikan maklumat kepada khalayak semakin diperlukan dalam proses pembangunan masyarakat itu sendiri.. Sebagaimana

menurut McQuail (2006), media yang paling popular seperti surat khabar perlu menjalankan lima peranan utama sebagai menyebarkan maklumat, memberi penjelasan kepada orang ramai tentang sesuatu isu, jentera penggerak sosial, hiburan, mewujudkan nilai-nilai dan budaya hidup yang perlu dikenalkan.

Malah yang paling penting fungsi utama media mengikut McQuail (2006), media komunikasi perlu berfungsi untuk mengintegrasikan masyarakat, mengekalkan kestabilan sosio-politik dan membantu mengawal ketenteraman. Malah media telah mampu menjadi alat atau perantara terpenting dalam menyampaikan maklumat dan mesej tertentu. Kepentingan media bukan sekadar terhenti setakat menyampaikan maklumat sahaja, tetapi lebih daripada itu kerana media berperanan dalam membentuk pola pemikiran masyarakat. Menurut Najmudin & Samsudin (2015) media sebagai satu alat mendapatkan informasi dan pengetahuan dengan cepat sehingga mereka menjadi komuniti yang mampu memahami informasi lebih banyak selain mewujudkan jaringan sesama komuniti.

Justeru itu, advokasi adalah suatu hal yang penting di peringkat pengetahuan iaitu menggunakan segala media untuk memaparkan informasi kepada khalayak tentang sesuatu isu. Menurut Wallack (1994), advokasi media merupakan kaedah kempem untuk kumpulan masyarakat berkomunikasi dalam usaha untuk mempromosikan perubahan sosial. Ia mampu mempengaruhi masyarakat dalam perdebatan awam yang mana mempunyai pengaruh ke atas pembuat keputusan. Ciot & Van (2010) menjelaskan bahawa media boleh menyebarkan kandungan berita yang mempunyai kesan dan nilai sosial. Ia turut disokong Fortunaiti (2014) media mampu memainkan peranan penting kerana mereka memiliki pengaruh dan kuasa untuk mempengaruhi massa. Salah satu peranan media yang penting keupayaan untuk mendidik dan menyampaikan maklumat tentang golongan kurang upaya. Sebagai ahli komuniti masyarakat yang lain, golongan OKU juga menggunakan media cetak seperti buku, majalah, akhbar dan media elektronik seperti televisyen, radio, rekod, filem, aplikasi telefon bimbit dan Internet.

Orang Kurang Upaya Di Malaysia

Menurut Yusof & Faizal Che (2011) di Malaysia, Orang Kurang Upaya (OKU) termasuk mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat. Orang kurang upaya (OKU) boleh didefinisikan sebagai seseorang yang tidak dapat menjalankan aktiviti harian secara normal sama ada secara keseluruhannya atau sebahagiannya disebabkan kekurangan dan/atau kecacatan pada anggota fizikal atau mental.

Manakala menurut Warta Kerajaan Persekutuan di bawah Peraturan-peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2013 di Malaysia, istilah Murid Berkeperluan Khas (MBK) bermaksud murid yang telah diperakukan oleh pengamal perubatan, ahli optik, ahli audiologi atau ahli psikologi daripada perkhidmatan kerajaan ataupun bukan kerajaan sebagai murid yang mempunyai salah satu atau gabungan ketidak upayaan, penglihatan/pendengaran / pertuturan / fizikal / masalah pembelajaran. Istilah MBK ini merujuk kepada pelajar OKU dalam sistem pendidikan khas di Malaysia.

Berdasarkan Laporan World Health Organization (2011) menjelaskan seramai 15% populasi dunia adalah terdiri daripada Orang Kurang Upaya (OKU). Sanchez (2010) menganggarkan secara purata 10% populasi negara membangun mempunyai individu yang diklasifikasi sebagai kurang upaya. OKU yang telah berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat sehingga Jun 2014 mengikut negeri adalah seramai 531,962 orang dan masih ada sebilangan OKU yang tidak berdaftar. Sejumlah 188,911 orang merupakan OKU masalah pembelajaran, diikuti 174,795 OKU fizikal, OKU pendengaran 62,827 orang, OKU penglihatan pula 50,827 orang dan OKU mental 24,263 orang serta OKU pelbagai kategori sebanyak 27,025 orang. Walaupun mereka ini dikelompokkan sebagai golongan minoriti tetapi hak mereka di dalam masyarakat tidak boleh dipinggirkan dan wajib diberikan perhatian oleh masyarakat.

Bagaimanapun hak mereka untuk menerima maklumat yang tepat seakan dipinggirkan kerana permasalahan kurangnya pemaparan golongan kurang upaya di media. Inilah punca utama komuniti OKU ketinggalan dalam pelbagai aspek termasuk hak mendapat dan menerima maklumat di dalam menjalani kehidupan yang serba mencabar ini. Sehubungan itu, media memiliki pengaruh yang mampu menyebarluaskan maklumat OKU kepada masyarakat agar isu mereka difahami.

METODE

Kertas ini melaporkan kajian sistematik terhadap beberapa artikel dan jurnal yang dikaji antara 2005-2015 dengan mengambil kata kunci seperti media akhbar, orang kurang upaya dan berita. Bagi memulakan penyelidikan, data-data diperolehi melalui pengkalan data ERIC, google scholar, Jurnal Pendidikan, Jurnal Sains Sosial dan Jurnal Komunikasi. Hasil carian tersebut telah menemukan 30 artikel berkaitan paparan OKU dalam media suratkhabar dan isu-isu berkaitannya. Setelah saringan dilakukan, hanya 13 artikel jurnal yang telah dipilih untuk dianalisis. Kesemua 13 artikel jurnal tersebut terbahagi kepada dua bentuk bentuk kajian iaitu kajian secara analisa kandungan dan juga kajian

konseptual dengan 11 artikel jurnal kajian secara analisa kandungan dan 2 artikel jurnal berbentuk kajian secara konseptual.

MEDIA DAN OKU

Media merupakan alat yang digunakan untuk menyampaikan maklumat yang mampu membentuk persepsi dan nilai masyarakat melalui informasi yang disampaikan. Media juga terbukti menjadi alat terpenting dalam menyampaikan maklumat dan mesej tertentu. Ketidakadilan dan ketidakseimbangan masyarakat dalam menerima dan memahami maklumat tentang golongan OKU memerlukan penilaian semula serta kerjasama yang menyeluruh daripada pelbagai sudut secara konsisten dan komited. Masyarakat kita masih lagi kurang maklumat yang lengkap dan relevan berikutan kurangnya peranan media akhbar memaparkan golongan istimewa kepada masyarakat.

Justeru, matlamat kertas ini membincangkan isu kekurangan maklumat dan pengetahuan serta meningkatkan advokasi media dalam memahami golongan OKU.

Liputan dan Ruangan Yang Kecil

Kekurangan pengetahuan yang tepat tentang peranan media terhadap golongan orang kurang upaya sebagai agen pencorak sosio-budaya serta maklumat tentang golongan orang kurang upaya telah menyebabkan kesukaran mengidentifikasi proses pemahaman dalam sesebuah komuniti. Sehubungan itu, kita dapat kandungan akhbar di Malaysia tentang golongan OKU amat kecil. Menurut (Rosli *et al.*, 2015) menyatakan media di Malaysia masih kurang melaporkan berita-berita OKU. Malah kajian Khoo (2011) mengatakan liputan berita tentang kejayaan atlet OKU dalam sukan terlalu kurang dan mengecewakan di Malaysia. Media Malaysia masih kurang mendedahkan kejayaan golongan ahli sukan OKU berbanding ahli sukan normal.

Media sewajarnya memainkan menyampaikan maklumat lebih kerap dan agar masyarakat akan turut merasai kehidupan golongan istimewa ini. Sebagaimana menurut (Green & Tanner, 2009) menjelaskan terlalu kecil tumpuan dan kurangnya ruangan berita tentang golongan OKU tidak memberi kepada masyarakat untuk mengetahui golongan ini. Malah paparan yang lebih banyak tentang isu-isu negatif seperti kepayahan hidup, tuntutan perbelanjaan golongan ini dipaparkan (Chen, Hsu, Shu, & Fetzer, 2012) yang kurang diminati oleh khalayak pembaca.

Isu Terminalogi dan Imej OKU

Salah satu puncanya pengamal-pengamal media seperti wartawan juga tidak memahami konsep atau

terminalogi OKU yang mempunyai kepelbagaiannya masalah dan jenis OKU itu sendiri. Menurut Brittain (2010) telah mendapat isu kelemahan dan kurangnya pengetahuan dalam kalangan wartawan tentang golongan OKU juga menjurus kurangnya paparan berita tentang OKU di media. Pelbagai terminologi terhadap insan istimewa ini kerana terdapat pelbagai perkataan yang digunakan antaranya golongan cacat, pekak, lebam, pelajar pendidikan khas sehingga masyarakat terkeliru dengan istilah. Kini menurut Norazit (2014) istilah ‘orang kelainan upaya’ telah digunakan dan ini dianggap sebagai satu perkembangan yang positif kerana konsep daripada ‘orang kurang upaya’ menggambarkan satu kondisi yang lemah, kepada satu istilah yang lebih mesra bagi menggambarkan insan istimewa ini. Ini kerana akhbar di Malaysia pernah melaporkan kemampuan kanak-kanak Autisme berjaya memperolehi enam (6) pingat emas dalam kejohanan Sukan Olimpik Istimewa Dunia di Athens.

Ketidak sahaman Wartawan Tentang Orang Kurang Upaya

Kajian yang dijalankan di British terhadap surat khabar utama menunjukkan ruangan berita tentang golongan OKU yang terlalu kecil dan tidak mendapat tempat di media arus perdana (Wilkinson & McGill, 2008) dan ini disokong dengan satu laporan kajian iaitu Press Potrayal of Disabilites people di United Kingdom yang mengatakan akhbar-akhbar di United Kingdom mendisriminasi golongan OKU. Hampir 77% laporan artikel yang pernah diterbitkan memberi persepsi negatif dalam laporan mereka tentang imej OKU. Ini kerana ketidakfahaman dalam kalangan wartawan untuk memahami dunia OKU itu sendiri.

Malah golongan wartawan juga kurang bermotivasi untuk mengetengahkan isu mereka. Ini juga dinyatakan oleh Brittain (2004) yang menjelaskan bahawa liputan media yang kecil dan negatif disebabkan pihak media sendiri kurang memahami dan mengetahui golongan kurang upaya turut memberi kesan terhadap masyarakat. Kajian (Inimah, Mukulu, & Mathooko, 2012) terhadap akhbar-akhbar utama di Kenya juga mendapat tahap laporan berita tentang golongan OKU di negara tersebut amat kurang diberikan perhatian oleh organisasi media.

Justeru, media mampu menyediakan pengawasan keadaan sekeliling dan kolerasi komponen masyarakat berhubung dengan keadaan sekeliling. Media harus mengawal, membentuk, dan membantu masyarakat memahami dunia di sekeliling mereka dan bertindak sebagai penggerak sosialisasi. Sebagaimana kajian Power (2007) dalam kajian terhadap akhbar di Australia mendapat tumpuan isu seperti masalah OKU, jenis-jenis OKU dan kesan berita yang dilaporkan terhadap khalayak didapati memberi kesan positif tentang golongan OKU.

Kurang Kesedaran Tentang OKU

Tahap kesedaran yang rendah disebabkan kurangnya pendedahan maklumat dalam media massa dalam kalangan masyarakat tentang golongan ini telah dikenal pasti sebagai suatu halangan kepada golongan tersebut untuk terlibat secara penuh di dalam masyarakat. Kebanyakan kajian mendapati beberapa isu tentang orang kurang upaya melalui paparan media antaranya kurang kesedaran terhadap golongan OKU. Ini disokong oleh Misener & Floudas (2013) kurangnya kesedaran terhadap golongan OKU ini juga menjadi faktor mengapa berita golongan ini kurang ditumpukan termasuk berita sukan OKU.

Selain itu juga, isu hak-hak OKU juga kurang diketahui oleh masyarakat.. Semua orang termasuk golongan OKU mempunyai hak yang sama rata untuk mendapatkan kualiti kehidupan yang baik. Pengetahuan individu terhadap sesuatu isu tentang hak OKU amat penting. Menurut Samsudin (2002) menjelaskan tanpa pengetahuan yang mencukupi, seseorang itu tidak boleh membuat keputusan yang positif tentang isu. Sebagaimana kajian (Toran *et al.*, 2010) mengatakan bahawa terdapat kurangnya pengetahuan pelajar IPTA terhadap pelajar OKU. Beliau turut mencadangkan agar pihak IPT memasukkan pendidikan tentang OKU dalam kursus pengajian agar dapat memberi manfaat kepada sistem pendidikan di Malaysia.

Malah kurangnya statistik dan kajian terperinci tentang isu OKU di Malaysia serta masalah yang dihadapi oleh mereka (Toran *et al.*, 2010). Faktor yang dapat mengubah sikap negatif terhadap OKU adalah maklumat tentang kumpulan ini dan hubungan secara langsung dengan mereka. Lebih banyak maklumat yang disampaikan oleh media massa tentang OKU yang diketahui oleh masyarakat, maka semakin kuranglah stereotaip negatif mengenai OKU dan semakin positif sikap mereka terhadap OKU.

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Semenjak Malaysia mencapai kemerdekaan, pihak kerajaan telah menjalankan pelbagai usaha untuk membantu golongan OKU dalam arus pembangunan negara. Peningkatan kualiti kehidupan mereka juga berubah bertambah baik. Justeru, media akhbar di negara ini wajar menjalankan advokasi bagi memaparkan berita-berita golongan OKU. Ini kerana ia mampu meningkatkan pendidikan dan pengetahuan masyarakat terhadap golongan istimewa ini. Menurut Sanchez (2010), paparan media yang positif dan bermaruah mengenai OKU boleh menggalakan masyarakat yang inklusif dan toleran.

Walaupun secara realitinya, nasib OKU masih lagi tidak banyak berubah kecuali paparan semasa sambutan meraikan golongan ini dengan pelbagai mesej dan kempen Masyarakat Penyayang. Menurut

kajian (Rosli *et al.*, 2015) Kerajaan Malaysia telah memperuntukkan kira-kira RM2.2 billion peruntukan yang diberi kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dalam pembentangan bajet 2015 bagi menampung keperluan golongan OKU. RM1.2 billion daripadanya digunakan untuk urusan kebajikan serta manfaat kepada 110 ribu OKU.

Akta Komunikasi dan Multimedia

Bagi mempertingkatkan informasi tentang golongan OKU antaranya peranan pihak kerajaan melalui Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia telah menyediakan garis panduan kepada pengamal-pengamal media di Malaysia sama ada media cetak dan elektronik untuk memaparkan isu OKU. Ini selari dengan Akta komunikasi dan multimedia 1998 (Act 588) yang memperakui bahawa tiada unsur pelaporan yang boleh menyebabkan penghinaan dan hendaklah bersifat neutral dalam penyiaran tentang OKU di media negara ini. Ini amat penting agar mereka dapat mengetahui dengan mendalam serta memahami isu-isu yang berkaitrapat dengan OKU.

Latihan kepada Wartawan

Salah satu langkah yang boleh dijalankan iaitu mengadakan latihan dan penerangan untuk pengetahuan tentang OKU kepada pengamal-pengamal media di negara ini. Menurut Gertrude Murusuve (Inimah, Mukulu, & Mathooko, 2012) organisasi media wajar memberikan latihan kepada wartawan dalam membuat laporan media terhadap orang kurang upaya. Malah mereka juga boleh mengambil OKU untuk bekerja dalam membantu meningkatkan proses kefahaman dan menginsklusif OKU dalam dunia kerjaya kewartawanan.

Ruang dan Liputan Yang Luas

Selain itu, bagi memasyarakatkan golongan OKU dalam media, pihak media perlu memperhebatkan lagi kandungan berita atau isu paparan yang lebih positif dan ruangan yang besar tentang OKU. Berita kejayaan atlet sukan OKU sebagai contohnya perlu diberi liputan yang luas. Sebagaimana menurut (Jadeera, Khoo, & Razman, 2016) menyatakan paparan berita kejayaan ahli sukan OKU negara memperoleh pingat di sukan Olimpik paralimpik telah menarik perhatian khalayak pembaca yang telah diterbitkan di lapan (8) akhbar-akhbar utama di Malaysia seperti berita harian.

RUJUKAN

- Brittain, I. (2010). Perception of disability and their upon involvement in sport for people with disabilities at all level. *Journal of Sport and Social Issues*, 28(4), 429-452

- Chen, C. H., Hsu, K. L., Shu, B. C., & Fetzer. (2012). The Image of people with intellectual disability in Taiwan Newspaper. *Journal of Intellectual and Development Disability*, 37(1),35-41
- Ciot, M. G., & Van, H. G. (2010). Romanian Approach to media portrayals of disability *Disability and Society*. 25(5), 525-538
- Fortunaiti, L. (2014). Media between power and empowered. Can we resolve this dilemma. *The Information Society*, 30(3): 169-183.
- Green, K., & Tanner, S. (2009). Reporting disability. *Asia Pacific Media Educator*, 1(19), 6.
- Inimah, G. M., Mukulu, D. E., & Mathooko, D. P. (2012). literature Review on Media Portrayal of People with Disabilities in Kenya. *International Journal of Humanities and Social Science*, 2(8).
- Jadeera, P. G. C., Khoo, S., Razman, R. (2016). Spotlight on Athletes with a Disability: Malaysian Newspaper Coverage of the 2012 London Paralympic Games. *Adapted Physical Activity Quarterly*, 33, 15-32
- Kamus Dewan. (2010). Edisi Ke-5. Kuala Lumpur Dewan Bahasa dan Pustaka
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Peraturan-peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2013*. Warta Kerjaan Persekutuan P.U. (A) 230
- Khoo. S. 2011. New Direction : Disability Sport in Malaysia. *Sport in Society*, 14 (9) , 1285-1290
- McQuail,D.(2006). Media roles in society. *Researching media, democracy and participation*, 47
- Misener, R., & Floudas, C. A. (2013). GloMIQO: Global mixed-integer quadratic optimizer. *Journal of Global Optimization*, 57(1), 3-50.
- Najmuddin, M. R., & Samsudin, A. R. (2015). Penggunaan Media, Norma Kewarganegaraan dan Partisipasi Politik Dalam Era Transisi di Indonesia. *Jurnal Komunikasi Malaysia*, 31(1) :187-204
- Nielsen, C. (2001). *Touris and the Media* Melbourne: Hospitality Press.
- Norazit, L. K. (2010). How Much Difference Can One 'Word' Make? Changing Perceptions of Disability in Malaysia. *International Journal of Arts and Sciences*, 3(15): 266-284
- Power, D. (2007). Disability in the news: The Australian press 2004-2005 .*Coomunicaie Cidanaia*. ISNN 1886-8975.
- Rosli, H. F., Safura, A., Norazlan, A. W., & Nurzakira, A. Z. (2015) Kesedaran Golongan Majikan Terhadap Orang Kurang Upaya di Malaysia. Melalui Perspektif Media. *Proceeding of the 2nd International Conference on Management and Muamalah 2015(2nd ICOMM)*
- Samsudin A. R. (2002). Media dan Identiti Budaya Ke Arah Membangkitkan Budaya Tahan. *Jurnal Komunikasi*. 17, 67-80.
- Sanchez, J. (2010). Media Guidelines For The Portrayal of Disability. *International Labour Organization*.
- Toran, H., Muhammad, T. A., Yasin, M. H. M., Tahar, M. M., & Hamzah, N. H. (2010). Pengetahuan dan sikap rakan sebaya terhadap pelajar kurang upaya di sebuah IPTA di Malaysia. *AJTLHE: ASEAN Journal of Teaching and Learning in Higher Education*, 2(2), 22-34..
- Wallack, L. (1994). Media advocacy: a strategy for empowering people and communities. *Journal of Public Health Policy*, 15(4), 420-436.
- WHO [World Health Organization]. (1992). Prevention of Childhood Blindness. Geneva: *World Health Organization*.
- Wilkinson, P., & McGill, P. (2009). Representation of people with intellectual disabilities in a British newspaper in 1983 and 2001. *Journal of Applied Research in Intellectual Disabilities*, 22(1), 65-76.
- World Health Organization. (2011). *World report on disability*. World Health Organization.
- Yusof, M. Faizal Che.(2011). Akta Orang Kurang Upaya 2008, Harapan dan Realiti: Satu Pendekatan Praktikal. *Praxis, Chronicle of the Malaysian Bar*.

